

A large, abstract watercolor splash graphic in shades of red, blue, and purple, centered on the page. The splash has a dark, almost black center that fades into lighter colors towards the edges.

anugerah  
*Seri*  
MIDF 2018

Ekonomi Kreatif  
Aset Baharu Negara

Buku ini diterbitkan oleh

GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH (GESTURZ)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© 2018. Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia

Tidak dibenarkan menerbit semula dengan apa cara proses atau teknik tanpa permohonan dan kelulusan rasmi dari penerbit  
GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH (GESTURZ), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

Penafian

1. Penelitian dan semakan terhadap kandungan penerbitan ini telah dibuat sebaik mungkin, walaubagaimanapun pihak penerbit memohon maaf dan tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kesalahan teknikal yang tidak disengajakan serta tidak dapat dielakkan.
2. Artikel, ilustrasi atau imej yang diterbitkan tidak semestinya mencerminkan pendapat penerbit.

ISBN No. : 978-967-15837-2-2

Editor : Nurul Muzamel Rasidi

Rekabentuk Kulit dan Buku : Siti Soleha Salamun, Sasikala A/P Manoharan

Fotografi dan Suntingan Visual : Sasikala A/P Manoharan, Nur Huzaifa Hazim Noharudin

Suntingan Teks dan Pembaca Pruf : Nurul Muzamel Rasidi, Nur Huzaifa Hazim Noharudin, Cho Kim Quan, Mastura Md Mukhlas

Dicetak oleh GESTURZ, UiTM dan UiTM Print Centre





*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya saya berpeluang menzahirkan kata alu-aluan di dalam buku pameran Anugerah Seni MIDF 2018. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan Anugerah Seni MIDF 2018 yang kita nanti-nantikan.

Kerjasama di antara UiTM dan MIDF dalam mempromosikan seni dan kreativiti telah bermula sejak 2008. Anugerah Seni MIDF 2018 adalah lanjutan daripada Anugerah Seni MIDF 2017 yang pertama kali diadakan di mana acara penyampaian anugerahnya telah berlangsung di Menara MIDF pada tahun lalu. Syukur Alhamdulillah, ia telah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta. Untuk itu, MIDF amat berbesar hati untuk meneruskan penganjuran Anugerah Seni MIDF ini sebagai salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat syarikat.

Anugerah Seni MIDF pada tahun ini terbuka kepada semua siswa-siswi dari fakulti-fakulti yang berasaskan kreativiti. Ini bertujuan untuk meluaskan peluang penyertaan di samping mengetengahkan bakat para pengkarya muda UiTM. Menerusi acara anugerah yang diadakan ia memberi platform khas kepada para siswa-siswi untuk mempamerkan hasil seni mereka di ruang legar menara yang dikenali sebagai MIDF-UiTM Art Space di mana pengunjung atau tetamu yang hadir ke Menara MIDF berpeluang menyaksikan karya – karya yang dipamerkan.

Bertemakan “Ekonomi Kreatif, Aset Baharu Negara”, ia memperlihatkan gabungan kerjasama dua sektor iaitu ekonomi dan pendidikan dalam menjayakan agenda memartabatkan industri kreatif negara.

Seni adalah satu aset yang bernilai dan berpotensi yang belum lagi kita bangunkan ke tahap optimum. Di sini, saya menyeru semua pihak untuk terus menyokong pembangunan sektor seni dan budaya dalam industri kreatif serta mempromosikannya kepada khalayak yang lebih luas lagi.

Adalah menjadi harapan saya untuk melihat inisiatif-inisiatif seperti ini dapat menarik lebih banyak penyertaan lagi pada tahun-tahun hadapan dan saya yakin ini merupakan medan untuk para siswa-siswi bagi mempamerkan kebolehan dan potensi diri dalam bidang seni.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada semua peserta dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Anugerah Seni MIDF 2018. Semoga pertandingan ini mampu mencapai objektifnya seterusnya menggalakkan perkembangan bidang seni ke tahap yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**DATUK MOHD. NAJIB HJ. ABDULLAH**  
Pengarah Urusan Kumpulan MIDF



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Dengan lafaz kesyukuran kepada Allah S.W.T saya ingin melahirkan rasa kegembiraan di atas kejayaan kedua – dua pihak iaitu UiTM dan MIDF dalam meneruskan agenda MoU yang telah sekian terjalin lamanya.

Difahamkan ini adalah penganjuran tahun yang kedua Anugerah Seni MIDF di mana edisi pertamanya telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dari para peserta mahupun tetamu dan pengunjung yang hadir ketika pameran diadakan.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MIDF di atas kepercayaan dan persefahaman yang terbina dalam usaha kita bersama melonjak seni dan kreativiti khususnya dari bakat – bakat muda UiTM.

Menerusi MoU yang diusahakan bersama, ia telah memberi akses kepada para siswa-siswi UiTM untuk mengetengahkan kreativiti mereka kepada khalayak umum dan dalam waktu yang sama mendapat pengiktirafan menerusi anugerah yang dipertandingkan di samping memperkembangkan kemajuan mereka dalam menghasilkan karya seni yang bermutu dan estetik.

Adalah menjadi harapan agar, tradisi yang dicipta ini dapat diteruskan pada masa hadapan agar ia dapat terus memberi peluang kepada generasi bakat muda UiTM yang akan datang dalam berkongsi idea – idea segar yang kreatif, inovatif dan artistik malah seterusnya dapat menyumbang terhadap ketampakan universiti.

Tahniah saya ucapkan kepada para peserta yang terlibat, serta jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam memastikan kejayaan dan kelancaran majlis anugerah ini.

Sekian, Wassalam.

**PROF. DR. HJ. ZAINI ABDULLAH**

Timbalan Naib Canselor

Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni &  
Keusahawanan (ICAEN)

Universiti Teknologi MARA



## **PENGENALAN**

Anugerah Seni MIDF 2018 adalah lanjutan kesinambungan daripada Anugerah Seni MIDF 2017 yang pertama kali diadakan di mana acara penyampaian anugerahnya telah berlangsung di Menara MIDF Kuala Lumpur pada 13 November 2017 tahun lalu.

Bertujuan untuk menampilkan kreativiti bakat muda UiTM, pertandingan ini menggalakkan penyertaan aktif siswa-siswi dalam menyertai pertandingan dan pameran yang akan membantu dalam membentuk portfolio kerjaya dan pengalaman siswa/siswi kelak. Menerusi hadiah dan anugerah yang ditawarkan ia bakal menyuntik semangat dan motivasi mereka sepanjang menceburi bidang industri kreatif dengan menghasilkan karya seni yang artistik dan berkualiti, memberi inspirasi kepada khalayak dan melonjak perkembangan industri kreatif negara, dan menyumbang pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.

Penganjuran Anugerah Seni MIDF 2018 juga adalah demi memartabatkan industri seni dan budaya yang kini diiktiraf sebagai aset baharu negara dalam segmentasi Ekonomi Kreatif (Creative Economy).

## **PENGANJUR**

Komunikasi Korporat Kumpulan, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dengan kerjasama Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM.

## **OBJEKTIF**

1. Mengetengahkan bakat muda UiTM bidang Industri Kreatif khususnya Seni Visual iaitu Seni Halus dan Komunikasi Visual.
2. Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kreativiti pengkarya dan kualiti artistik karya yang dipertandingkan.
3. Meningkatkan apresiasi karya seni tempatan yang dihasilkan oleh siswa/siswi UiTM di kalangan warga korporat dan komuniti setempat.

## PENYERTAAN

Anugerah Seni MIDF 2018 penyertaan adalah dibuka kepada siswa/siswi Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Tiada sebarang yuran penyertaan dikenakan untuk menyertai Anugerah Seni MIDF 2018.

## KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

SENI HALUS	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karya seni 2D sahaja iaitu catan lukisan atau seni cetakan</li></ul>
KOMUNIKASI VISUAL	<ul style="list-style-type: none"><li>• Media Bebas</li><li>• Karya seni 2D sahaja</li><li>• Fotografi, ilustrasi grafik, atau rekabentuk iklan mengenai MIDF.</li><li>• Media bebas</li></ul>

## KRITERIA

- Setiap karya yang dihantar belum pernah dipamerkan di mana-mana pameran dan hendaklah dihasilkan dalam tahun 2017 atau 2018.
- Karya berbentuk tugas/projek kuliah boleh digunakan dengan syarat ia telah selesai pemarkahan dan telah dikembalikan semula kepada pelajar.
- Saiz karya tidak boleh melebihi 150 cm x 150 cm dan tidak kurang dari 60 cm x 60 cm

- Karya-karya perlu dibingkai dan mempunyai kemasan yang profesional dan sedia untuk diperagakan.

## TEMA

Tema adalah bebas tetapi haruslah tidak menyuntik mesej yang akan menggugat atau mengancam keharmonian dan keselamatan negara.



# LAPORAN PENJURIAN

Anugerah Seni MIDF 2018 pada tahun ini memperlihatkan peningkatan penyertaan karya berbanding pada tahun lepas di mana 185 karya telah diterima. Daripada jumlah tersebut barisan juri telah membuat tapisan dan penjurian dengan membuat keputusan untuk memilih 100 karya dipilih untuk layak dipamerkan. 5 karya telah dipilih untuk Anugerah Utama dan 7 karya dipilih untuk Anugerah Pilihan Juri.

Karya fotografi dilihat kurang mengetengahkan karya yang bertemakan tradisional, sementara teknik yang ditampilkan dalam karya seni halus adalah lebih menyerlah dengan teknik yang pelbagai seperti media campuran, kolaj, ukiran, dan manipulasi digital.

Karya - karya dari peserta yang datangnya dari fakulti - fakulti berasaskan kreativiti banyak mengambil inspirasi dari alam dan warisan, serta mengetengahkan imaginasi kreativiti mereka yang berunsurkan surealistik, fiksyen dan juga futuristik.

Barisan juri juga berpandangan untuk memberi galakkan dan motivasi dengan memilih karya - karya untuk layak dipamerkan agar ia dapat menyuntik semangat

pengkarya muda ini untuk terus berkarya di samping memperkembangkan bakat mereka.

Walaupun jumlah penyertaan meningkat, namun dukacita barisan juri melihat ada peserta yang tidak menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan contohnya dari segi saiz karya. Peserta juga diingatkan supaya memastikan kemasam karya yang bersesuaian bagi tujuan untuk persembahan dan peragaan. Para peserta juga dilihat telah mengambil usaha untuk menyediakan pernyataan karya bagi memudahkan proses penjurian dan pemahaman terhadap karya yang dihasilkan.

Barisan juri ingin merakamkan penghargaan kepada peserta yang telah mengambil inisiatif yang tinggi untuk menyertai dan menyokong pertandingan ini yang selanjutnya memperhebatkan usaha murni MIDF dalam melonjakkan ekonomi kreatif sebagai aset baharu negara.







Dengan ini kami mengesahkan keputusan pertandingan Anugerah Seni MIDF 2018 seperti yang dicatitkan dalam laporan penjurian yang telah diadakan dan disiapkan pada tarikh 04 Mei 2018, jam 12:00 tengahari bertempat di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.



*Penaung*  
DATUK MOHD NAJIB BIN HJ ABDULLAH



*Ketua Juri*  
DR RUZAIKA OMAR BASAREE



*Juri*  
ENCIK SUZLEE IBRAHIM @ SULONG



*Juri*  
ENCIK FAIRUS BIN ZAINAL

Keputusan penjurian ini telah disemak oleh Juruaudit pada 04 Mei 2018 bertempat di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.



*Juruaudit*  
ENCIK KHARIL AZRI  
ZAINAL ABIDIN





# ANUGERAH SENI MIDF 2018 CERMINAN KERJASAMA ERAT MOU MIDF DAN UiTM

oleh Nurul Muzamel Rasidi

## PENDAHULUAN

Anugerah Seni MIDF telah diperkenalkan pada tahun 2017 oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF). Ia adalah simbolik kematangan dalam hubungan baik serta kerjasama yang terjalin menerusi MoU di antara MIDF dan UiTM yang dimeterai sejak tahun 2008.

Untuk mengekalkan momentum kerjasama adalah cabaran besar dan pengalaman bermakna buat GCC (Komunikasi Korporat Kumpulan), MIDF dan GESTURZ, UiTM. Kedua-dua jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan secara aktif dan konsisten aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mencapai objektif yang digariskan dalam MoU, khususnya dalam mempromosikan seni, budaya dan kreativiti dari UiTM kepada golongan korporat dan khalayak ramai.

## SILATURAHIM TERBINA

Ini adalah fasa ketiga MoU di antara MIDF dan UiTM, paling tidak dapat dilupakan adalah penganjuran pameran ILHAM 2009. ILHAM 2009 disempurnakan perasmianya oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku

Mizan. Pameran ini mempamerkan karya-karya kreatif para pensyarah Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Shah Alam serta kampus cawangannya.

Bermula dari situ, pelbagai aktiviti direalisasikan hasil dari perancangan, persefahaman dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua belah pihak. MIDF dan UiTM telah meletakkan *standard* bagi setiap aktiviti yang diusahakan bersama. Kolaborasi ini turut menyaksikan pelbagai penganjuran aktiviti selain daripada pameran seni. Ini termasuklah peragaan fesyen, bengkel kreativiti, Laman Seni MIDF-UiTM sempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), serta projek rekabentuk dan editorial di samping mewujudkan program '*signature*' seperti *MIDF Art Workshop* untuk anak-anak kakitangannya, projek *MIDF Corporate Calendar* yang mengetengahkan koleksi seni dari UiTM dan yang terbaharu adalah Anugerah Seni MIDF.

Anugerah Seni MIDF diwujudkan bagi melonjak industri kreatif. Pertandingan yang diadakan akan memberi peluang kepada siswa-siswi UiTM dalam pelbagai aspek. Menerusi Anugerah Seni MIDF ia akan menyokong usaha negara dalam memperkembangkan industri kreatif yang turut berperanan penting dalam menyuburkan ekonomi,



# anugerah *Seni* MIDF 2018

mengimbangi budaya dan sosial, dan mewujudkan peluang kerjaya yang dinamik.

Sejauh itu, silaturahim di antara MIDF-UiTM terbina erat. Inisiatif ini, sudah pasti sukar dizahirkan jika tiada sokongan padu dari pihak industri yang menghargai seni dan kreativiti tempatan serta disambut baik pula oleh sektor akademik. Kedua-dua pihak dalam hal ini telah melakar sejarah dengan menandatangani MoU mereka bagi fasa yang ketiga. Ia adalah lembaran baharu dalam memastikan kerjasama yang telah sekian disuburkan kini dikembangkan agar terus signifikan, relevan dan memberi impak yang amat positif.

## **MENYINGKAP AS-MIDF17**

Julung kali diperkenalkan, Anugerah Seni MIDF 2017 dilancarkan pada April 2017 di mana majlis penyampaian anugerahnya telah diadakan pada 13 November 2017 bertempat di Menara MIDF, Kuala Lumpur. Penjurian bagi Anugerah Seni MIDF 2017 diketuai oleh pelukis terkenal antrabangsa iaitu Awang Damit Ahmad yang juga merupakan ikon alumni UiTM. Beliau dibantu oleh barisan juri lain seperti Mohd Fairus Zainal, Pengurus Rekabentuk dari Pusat Pembangunan Rekabentuk Malaysia (DDEC), Lok Wai Ping, Pengurus Masterpiece Art Auction Malaysia dan Khairul Zikri Abdulah, Pensyarah Kanan dari UiTM.

Pada majlis Anugerah tersebut, 5 anugerah utama yang menawarkan hadiah tunai RM1,000.00 dan 7 anugerah pilihan juri dengan hadiah tunai RM500.00 telah disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan MIDF, Tan Sri Abdul Rahman Mamat. Di majlis yang penuh bermakna itu, beliau diiringi bersama oleh Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd Najib Hj Abdullah serta Profesor Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Penolong Naib Canselor INQKA ( Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu), UiTM.

Karya 'Dengan Akal ke Seberang' oleh Muhammad Aimman Mohd Hafizal telah berjaya menarik perhatian barisan juri. Daya kreativiti dan kebijaksanaan Aimman dalam menterjemahkan kisah "Sang Kancil menipu Sang Buaya" secara visual telah menggigit kenangan penghayat seni untuk mengimbau kembali kisah yang dahulunya popular ditayangkan di saluran rancangan TV Pendidikan.

Aimman turut ditemani oleh rakan-rakan lain seperti Muhammad Fareez Mohd Fauzi, Adriana Syafiqah Zulkefli, Nurshahida Sahid dan Jessica Joseph Benedict yang turut berjaya membawa pulang hadiah Anugerah Utama.

Kesemua mereka membawa mesej yang berbeza, Aimman misalnya menyuntik mesej teladan, sementara Nurshahida berkongsi nada perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Karya Nurshahida menggabungkan visual – visual naratif, sekaligus meraikan perpaduan dalam karyanya yang dikenali sebagai 'Unity Series'.

Sementara 7 karya yang dinobatkan sebagai Anugerah Pilihan Juri dimenangi oleh Abdul Syukur Hj Abdul Rani, Muhammad Hafiz Abu Kassim, Loqman Nur Hakim Zainal, Muhammad Amirul Roslan, Nurul Huda Mohamad Noor, Sukainah Hasanuddin, dan Muhammad Shafwan Mohd Zaidon.

'I can't hear you' oleh Abdul Syukur melahirkan perasaan tentang kehidupan seorang pelukis. Menurut Syukur "Kehidupan seorang pelukis tidak terlepas dari kritikan dalam penghasilan sesebuah karya. Begitulah jua situasinya dalam kehidupan seharian, kita tidak terlepas dari kritikan". Intipatinya bagaimana Syukur serta kita semua mendepani situasi itu yang mendewasakan pemikiran dan pengalaman kita. Berlainan pula pada karya Nurul Huda yang bertajuk 'Ruang Ku'. Nurul Huda seolah berbisik





tentang kerinduannya dan dirinya yang sentiasa memerlukan keluarga mendampinginya. 'Ruang Ku' persis karya Mastura Abdul Rahman, 'Tanpa Tajuk : Siri Dalamannya' (1990). Jika diamati dari aspek penekanan terhadap perspektif dalam olahan karya, ia memperlihatkan pengaruh dan kecenderungan Nurul Huda terhadap gaya dan pendekatan yang dihasilkan oleh Mastura sebelum ini.

Turut membarisi senarai 7 Anugerah Pilihan Juri, adalah karya rekabentuk pembungkusan oleh Sukainah dan karya fotografi Muhammad Shafwan yang memperlihatkan bahawa Anugerah Seni MIDF 2017 tidak hanya mengangkat karya dari kategori seni halus malah turut memberi pengiktirafan yang seimbang terhadap kreativiti para peserta bagi kategori komunikasi visual.

Selain daripada anugerah – anugerah yang disampaikan, sebanyak 89 karya turut dipamerkan dalam kelompok karya pilihan pameran. Ini adalah satu penghargaan yang diberikan oleh barisan juri dan penganjur kepada peserta. Justeru 89 karya yang terpilih selayaknya berasa bangga kerana ia akan menjadi sebahagian daripada catitan awal atau catitan penting permulaan pengkaryaan mereka atau perjalanan kerjaya mereka dalam industri kreatif. Ini didukung dengan kenyataan barisan juri yang menyebut “para juri sememangnya mengagumi usaha dan keberanian peserta”, menerusi Laporan Penjurian yang diterbitkan dalam buku pameran Anugerah Seni MIDF 2017. Bahkan kebanyakan karya – karya tersebut juga berjaya dijual kepada para pengunjung dan tetamu yang hadir.

Natijah daripada kejayaan serta maklumbalas positif yang diterima dalam penganjuran Anugerah Seni MIDF 2017, maka pada tahun 2018, MIDF meneruskan komitmen murni CSR mereka dengan melancarkan Anugerah Seni MIDF 2018 buat kali keduanya.

## **ADA APA DENGAN ASMIDF-18**

Menariknya dalam Anugerah Seni MIDF 2018 adalah di mana terdapat anjakan dan perubahan yang memberi lebih peluang kepada bakat – bakat muda dari UiTM.

Mengekalkan objektif yang sama, bagaimanapun Anugerah Seni MIDF 2018 membuka penyertaan kepada siswa-siswi dari fakulti – fakulti yang berasaskan kreativiti. Dengan peluang yang dilebarkan oleh pihak penganjur, ia memberi isyarat perkembangan yang positif dalam usaha pihak MIDF untuk terus menyuntik semangat dan motivasi para peserta pengkarya muda dari UiTM untuk berkarya, berpameran dan seterusnya diberi pengiktirafan yang sewajarnya terhadap kreativiti dan kualiti artistik yang dipersembahkan dalam setiap karya mereka.

Urusetia yang terlibat dari kedua-dua pihak telah bermesyuarat pada 15 Mac 2018 bagi memperincikan perancangan dari aspek pengurusan acara dan pengurusan pertandingan untuk Anugerah Seni MIDF 2018. Hasil kesepakatan dan persetujuan menerusi mesyuarat yang diadakan, pengumuman rasmi telah dikeluarkan di media sosial untuk hebahkan kepada siswa-siswi UiTM di mana ia disusuli pula dengan sesi penerangan pertandingan yang diadakan pada 13 April 2018. Pada sesi penerangan tersebut pihak penganjur telah menyampaikan penerangan dan mengadakan sesi soal-jawab kepada wakil – wakil pensyarah serta para peserta yang hadir.

Seterusnya, sesi penjurian telah berlangsung pada 4 Mei 2018 yang melibatkan penaung, ketua juri dan ahli – ahli juri. Pada tahun ini, Dr Ruzaiqa Omar Basaree telah dilantik sebagai Ketua Juri. Dr Ruzaiqa atau mesra disapa dengan panggilan Cik Zek adalah pensyarah dari Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya (UM). Anak kelahiran dari Pulau Pinang



# anugerah *Seni* MIDF 2018

ini adalah merupakan alumni UiTM dan pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan kemudiannya berhijrah ke Universiti Malaya (UM) selepas bersara wajib dari UiTM. Karya – karya Ruzaika bukan sahaja diangkat menjadi koleksi seni negara, malah turut menjadi koleksi peribadi tokoh – tokoh terkenal seperti Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Karya dan hasil penulisan serta penyelidikan Ruzaika juga sentiasa menjadi rujukan dalam pelbagai penerbitan ilmiah khususnya dalam bidang seni visual.

Juri kedua, Suzlee Ibrahim merupakan Dekan Fakulti Rekaan Komunikasi Visual, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Nama Suzlee Ibrahim adalah tidak asing lagi di dalam arena seni visual negara dan antarabangsa. Terkenal dengan karya catan abstrak, beliau telah mengadakan 33 pameran solo di lebih dari 30 negara. Pelbagai pencapaian di peringkat nasional dan antarabangsa yang telah diperolehi oleh beliau antaranya pengiktirafan sebagai 10 pelukis terbaik dunia apabila karyanya terpilih dalam pameran 10 World Artists di Australia.

Dinamika abstrak karya – karya Suzlee dan konsistensinya dalam berkarya menjadikan ia *forte* atau domain beliau sebagai seorang pelukis abstrak yang ulung diperingkat global, sekaligus menggalas jenama Suzlee Ibrahim bersinonim dengan karya abstrak yang tinggi kualitinya.

Mohd Fairus Zainal pula adalah juri ketiga, yang pernah dilantik sebagai juri bagi Anugerah Seni MIDF edisi pertama, Fairus adalah Pengurus Rekabentuk di Pusat Pembangunan Rekabentuk Malaysia (DDEC). Berkelulusan dalam bidang Seni Reka Grafik Pengiklanan, beliau telah berkecimpung dalam industri tersebut selamat 15 tahun. Fairus atau lebih dikenali di kalangan kenalan industri sebagai Bob adalah penerima pelbagai anugerah di peringkat negara selain

menjadi juri profesional di pelbagai pertandingan rekacipta, rekabentuk dan inovasi. Beliau juga turut aktif menyampaikan ceramah rekabentuk kepada usahawan – usahawan tempatan menerusi program – program yang dianjurkan oleh agensinya dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan pemahaman usahawan terhadap kepentingan penjenamaan dan rekabentuk dalam perniagaan di era milenial.

Dalam Anugerah Seni MIDF 2018 terdapat peningkatan penyertaan di mana 185 karya telah diterima untuk dipertandingkan. Walaubagaimanapun, laporan penjurian telah menyatakan hanya 100 karya dipilih sebagai finalis di mana 12 daripadanya telah diangkat sebagai pemenang dan penerima bagi Anugerah Utama dan Anugerah Pilihan Juri. Menariknya, pada tahun ini ia menyaksikan peningkatan dari segi tawaran hadiah tunai yang diberikan oleh penganjur, di mana pada kali ini, 5 pemenang Anugerah Utama akan mendapat ganjaran tunai sebanyak RM 1,500 manakala 7 pemenang Anugerah Pilihan Juri bakal menerima RM700 setiap seorang. Peningkatan ini bukan sahaja menandakan komitmen malah sokongan dari pihak penganjur dalam memartabatkan seni visual tempatan khususnya dari UiTM.

Sedikit kupasan dari keputusan penjurian, 5 pemenang Anugerah Utamamenampilkankarya -karyayang bertemanak alam dan manusia. Leonna Dail yang kini melanjutkan pengajian di Fakulti Pendidikan, UiTM mengetengahkan visual burung merak dengan mengaplikasikan teknik pyrography dalam seni cetakan karya beliau. Muhammad Hasbullah dari Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Puncak Alam pula berdialog tentang perspektif kehidupan dalam karya fotografinya. Hitam putih, pahit manis, dan baik buruk dalam kehidupan digambarkan menerusi tona, tekstur, garisan dan komposisi yang berlapis sebagai suatu ekspresi visual Hasbullah terhadap kehidupan.



# anugerah *Seni* MIDF 2018

ini adalah merupakan alumni UiTM dan pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan kemudiannya berhijrah ke Universiti Malaya (UM) selepas bersara wajib dari UiTM. Karya – karya Ruzaika bukan sahaja diangkat menjadi koleksi seni negara, malah turut menjadi koleksi peribadi tokoh – tokoh terkenal seperti Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Karya dan hasil penulisan serta penyelidikan Ruzaika juga sentiasa menjadi rujukan dalam pelbagai penerbitan ilmiah khususnya dalam bidang seni visual.

Juri kedua, Suzlee Ibrahim merupakan Dekan Fakulti Rekaan Komunikasi Visual, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Nama Suzlee Ibrahim adalah tidak asing lagi di dalam arena seni visual negara dan antarabangsa. Terkenal dengan karya catan abstrak, beliau telah mengadakan 33 pameran solo di lebih dari 30 negara. Pelbagai pencapaian di peringkat nasional dan antarabangsa yang telah diperolehi oleh beliau antaranya pengiktirafan sebagai 10 pelukis terbaik dunia apabila karyanya terpilih dalam pameran 10 World Artists di Australia.

Dinamika abstrak karya – karya Suzlee dan konsistensinya dalam berkarya menjadikan ia *forte* atau domain beliau sebagai seorang pelukis abstrak yang ulung diperingkat global, sekaligus menggalas jenama Suzlee Ibrahim bersinonim dengan karya abstrak yang tinggi kualitinya.

Mohd Fairus Zainal pula adalah juri ketiga, yang pernah dilantik sebagai juri bagi Anugerah Seni MIDF edisi pertama, Fairus adalah Pengurus Rekabentuk di Pusat Pembangunan Rekabentuk Malaysia (DDEC). Berkelulusan dalam bidang Seni Reka Grafik Pengiklanan, beliau telah berkecimpung dalam industri tersebut selamat 15 tahun. Fairus atau lebih dikenali di kalangan kenalan industri sebagai Bob adalah penerima pelbagai anugerah di peringkat negara selain

menjadi juri profesional di pelbagai pertandingan rekacipta, rekabentuk dan inovasi. Beliau juga turut aktif menyampaikan ceramah rekabentuk kepada usahawan – usahawan tempatan menerusi program – program yang dianjurkan oleh agensinya dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan pemahaman usahawan terhadap kepentingan penjenamaan dan rekabentuk dalam perniagaan di era milenial.

Dalam Anugerah Seni MIDF 2018 terdapat peningkatan penyertaan di mana 185 karya telah diterima untuk dipertandingkan. Walaubagaimanapun, laporan penjurian telah menyatakan hanya 100 karya dipilih sebagai finalis di mana 12 daripadanya telah diangkat sebagai pemenang dan penerima bagi Anugerah Utama dan Anugerah Pilihan Juri. Menariknya, pada tahun ini ia menyaksikan peningkatan dari segi tawaran hadiah tunai yang diberikan oleh penganjur, di mana pada kali ini, 5 pemenang Anugerah Utama akan mendapat ganjaran tunai sebanyak RM 1,500 manakala 7 pemenang Anugerah Pilihan Juri bakal menerima RM700 setiap seorang. Peningkatan ini bukan sahaja menandakan komitmen malah sokongan dari pihak penganjur dalam memartabatkan seni visual tempatan khususnya dari UiTM.

Sedikit kupasan dari keputusan penjurian, 5 pemenang Anugerah Utama menampilkan karya - karya yang bertemakan alam dan manusia. Leonna Dail yang kini melanjutkan pengajian di Fakulti Pendidikan, UiTM mengetengahkan visual burung merak dengan mengaplikasikan teknik pyrography dalam seni cetakan karya beliau. Muhammad Hasbullah dari Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Puncak Alam pula berdialog tentang perspektif kehidupan dalam karya fotografinya. Hitam putih, pahit manis, dan baik buruk dalam kehidupan digambarkan menerusi tona, tekstur, garisan dan komposisi yang berlapis sebagai suatu ekspresi visual Hasbullah terhadap kehidupan.

Duka Dara adalah karya berinspirasi batik hasil kreativiti Muhammad Akif Muhammad Azmi. Turut membarisi senarai 5 penerima Anugerah Utama, Akif mencoretkan penampilan perempuan Melayu yang sifatnya lemah lembut dan sopan santun, baik tutur bicara mahupun gerak-gerinya. Duka Dara adalah manifestasi kekecewaan terhadap lunturnya sifat terpuji dan dihormati berikutan perubahan zaman dan keinginan perempuan Melayu yang ingin mendapatkan perhatian dan populariti di media sosial tanpa menghiraukan norma budaya serta batas agama.

Tersenarai di kalangan penerima Anugerah Pilihan Juri, Nur Qamarina Normi, mengilhamkan Alam Mimpi. Alam Mimpi menurut Qamarina mengisahkan kesukaran Sang Penyu untuk hidup bebas dari ancaman. Sentuhan beliau telah menzahirkan visual yang bersifat imaginatif dalam suasana Sang Penyu yang terapung di angkasa bersama objek burung origami yang kedua-duanya adalah simbolik terhadap harapan dan perasaan yang inginkan kebebasan.

Berbeza pula dengan Noor Mursheeda Mahyuddin yang memilih Hijau sebagai tajuk karya fotografinya. Kehijauan ladang teh yang ditampilkan dalam karyanya bukan sahaja menggamit ketenangan yang memberi satu terapi seni malah ia turut menuntut kesedaran manusia terhadap betapa pentingnya dalam melestarikan alam. Mursheeda adalah siswi dari program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Fotomedia Kreatif, beliau adalah di antara 7 pemenang yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pilihan Juri pada pertandingan kali ini.

## **UNIKNYA MEI 2018**

Walaupun tempoh masa acara pada kali ini adalah singkat dan padat, namun tidak dinafikan dari aspek penyertaan ia melihatkan peningkatan dari segi penyertaan karya

untuk dipertandingkan tambahan pula pihak penganjur membenarkan karya yang dihasilkan pada tahun 2017 hingga tahun 2018 layak untuk diterima selain menyatakan syarat dua karya boleh dihantar bagi setiap peserta serta tidak menetapkan tema yang khusus.

Fleksibiliti yang digariskan dalam kategori, kriteria, tema dan syarat pertandingan berkemungkinan menjadi faktor Anugerah Seni MIDF 2018 mendapat sokongan yang amat positif dari para peserta pengkaryanya muda UiTM.

Kemuncaknya, majlis penyampaian Anugerah Seni MIDF 2018 yang diadakan pada 21 Mei 2018 di Menara MIDF Kuala Lumpur melibatkan kehadiran jemputan lebih dari 100 orang tetamu yang terdiri daripada finalis, tetamu korporat dan media.

Uniknya Mei 2018, adalah di mana majlis penyampaian anugerah yang diadakan berlangsung pada bulan yang penuh keberkatan iaitu Ramadhan. Sekaligus ia memberi suntikan kerukunan dalam bertanding iaitu mensyukuri nikmat dan rezeki yang dikurniakan dan seterusnya memberi ingatan untuk kita agar sentiasa bermuhasabah serta bersederhana.

Selain itu, sambutan Hari Muzium Antarabangsa juga adalah pada bulan yang sama, di mana ia disambut di seluruh dunia pada 18 Mei. Bertemakan Jaringan Muzium, Pendekatan Baru, Sasaran Baru ia amatlah bertepatan dengan usaha dan pendekatan GESTURZ, UiTM dengan memperkenalkan idea – idea baharu dalam bentuk aktiviti ataupun acara yang dapat melestarikan seni dan kreativiti tempatan khususnya dari UiTM dan seterusnya memasuki segmentasi baharu yang relevan dengan kehendak pasaran milenial. Istimewanya pada Mei 2018 juga adalah GESTURZ, UiTM meraikan ulang tahunnya yang ke-11. GESTURZ telah dirasmikan oleh Seri



# anugerah *Seni* MIDF 2018

Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah pada 24 Mei 2007, di mana penubuhannya mendapat kelulusan Jawatankuasa Eksekutif UiTM pada tahun 2007 yang berperanan sebagai galeri seni universiti.

Di pihak MIDF pula, Mei 2018 adalah di mana MIDF sekali lagi mencapai kejayaan berterusan apabila berjaya dinobatkan sebagai penerima anugerah *Best Domestic Shariah Fund Manager 2017* oleh KWAP.

Mei 2018 telah menjadi coretan bersejarah buat para peserta yang menerima Anugerah Utama, Anugerah Pilihan Juri dan Karya Pilihan Pameran. Ia menjadi suatu pengalaman indah buat mereka dalam terus mengekalkan motivasi untuk berkarya dan berpameran dengan idea – idea yang lebih segar, bermesej dan berestetika. Tidak lupa juga kepada para peserta yang tidak berjaya ke peringkat akhir, semoga mereka tidak patah semangat bahkan menjadikan ia sebagai suatu dorongan yang positif untuk mereka berusaha lebih lagi pada masa hadapan. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat sama ada sebagai peserta, juri mahupun urusetia yang memastikan kelancaraan dan kejayaan Anugerah Seni MIDF 2018. Diharapkan tradisi yang dimulakan ini dapat diteruskan agar ia dapat memberi peluang kepada generasi pengkarya muda lain untuk mengetengahkan bakat – bakat mereka dalam Anugerah Seni MIDF edisi yang ketiga dan seterusnya. Memetik kata dari pelukis agung Edgar Degas (1834-1917), “*Art is not what you see, but what you make others see*”, mudah-mudahan inisiatif murni yang diusahakan di antara MIDF dan UiTM menjadi contoh kepada institusi lain dalam memartabatkan pembangunan seni budaya di Malaysia.

---

Penulis adalah Kurator Kanan di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Karya penulisan beliau diterbitkan dalam dwi-bahasa di akhbar tempatan, buku pameran institusi pendidikan dan galeri swasta, penerbitan berkala di kampus dan juga merupakan penulis teks ucapan bagi kehormat di samping menulis buku terbitan agensi korporat. Mempunyai pengkhususan dalam komunikasi pengiklanan, beliau telah mengetuai pelbagai pengurusan acara industri kreatif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa merangkumi pameran, *ekspo, bengkel, seminar, persembahan, acara kesenian dan acara kolaborasi strategik dengan agensi korporat dan global.* Hubungi beliau di facebook GESTURZ.



*Anugerah*  
UTAMA




PEACOCK | Leonna Dail

Karya 'Peacock' diilhamkan dari Merak Hijau (*Pavo Muticus*) merupakan spesies burung yang memiliki keindahan tiada tara. Ekornya yang panjang membentuk seperti kipas memperlihatkan kesempurnaan penampilan Merak yang menjadi inspirasi budaya dan simbol pelbagai ketamadunan. Pelukis mengaplikasikan teknik Pyrography dalam menghasilkan seni cetak karya beliau, di mana visual yang dihasilkan menonjolkan keunikan Merak yang turut memberi representasi seperti kesucian, kemegahan dan keindahan. Lantas, ia mencetuskan wacana visual terhadap pelukis dalam menyampaikan mesej keindahan atau kecantikan itu terlahir dari jiwa yang benar dan suci. Secara tidak langsung ia menjadi teladan dan inspirasi buat orang lain terhadap keperibadian yang ditampilkan.



*Dilhamkan dari kehidupan. Pengkarya mengekspresikan tentang bagaimana sesebuah kehidupan yang mempunyai pelbagai jalan ceritanya. Ada yang pahit dan manis, hitam dan putih, baik dan buruk yang berputar dalam roda kehidupan manusia. Pengkarya menyifatkan tona, tekstur, garisan dan komposisi yang terbentuk dalam karya ini sebagai suatu ekspresi visual beliau terhadap kehidupan yang berlapis aras dan peringkat rasanya, yang pastinya setiap lapisan itu mempunyai pengalaman yang tersendiri.*

**PERSPECTIVE OF LIFE** | Muhammad Hasbullah Bin Mohd Shuhari





**DUKA DARA** | Muhammad Akif Bin Muhammad Azmi

*Duka Dara* adalah karya berinspirasi batik di mana pelukis mencoretkan penampilan perempuan Melayu yang sifatnya lemah lembut dan sopan santun, baik tutur bicara mahupun gerak-gerinya. *Duka Dara* adalah manifestasi kekecewaan terhadap lunturnya sifat terpuji dan dihormati berikutan perubahan zaman dan keinginan perempuan Melayu yang ingin mendapatkan perhatian dan populariti di media sosial tanpa menghiraukan norma budaya serta batas agama.



Memori sewaktu kecil dijadikan kisah yang divisualisasikan oleh pelukis. Keseronokan bermain sendirian di halaman rumah, bermain kapal kertas di kolam, memetik dedaunan dan bunga-bunga serta menangkap serangga pempatung dan anak ikan di kolam antara memori yang sukar dilupakan meskipun kini pelukis melalui zaman dewasanya.

Namun begitu, atas beberapa faktor tertentu memori tersebut kini kian pudar menghilang seperti yang digambarkan pada sayap pempatung yang kelihatan melintang dada kanvas sebagai simbolik setiap sesuatu tidak seharusnya kekal abadi dan ia akan belayar pergi.

**BELAYAR PERGI** | Annisa Binti Tajul Uhus





IKAN EMAS | Amirul Ariffi Bin Hanzah

Karya ini adalah kajian pelukis terhadap pergerakan – pergerakan ikan emas yang pelbagai dan aktif. Ikan emas adalah sebahagian daripada keluarga Kap. Terkenal di kalangan masyarakat, ia dijadikan peliharaan dan seringkali dipercayai dapat membawa keuntungan dan keseimbangan selain memberi energi yang positif menerusi rona jingga kemerahan yang dominan dan segar.







**ME-LAYU** | Nur Sulaiha Suhaila Binti Indra Gunawan

*Dinamakan sebagai ME-LAYU, karya ini menceritakan tentang setiap yang hidup pasti akan berakhir dengan mati. Metaforanya, bunga segar sebagai simbol kehidupan, sementara bunga yang layu menjadi simbol kematian.*

*Manusia terlalu membuang waktu dengan aktiviti – aktiviti yang melalaikan dan tidak berfaedah. Gajet dan gosip menjadi kelaziman mereka di zaman kini. Leka, itu yang terjadi dan berlaku di kalangan kita.*

*Di dalam Islam, ada menyebut terdapat lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Iaitu, masa sihat-mu sebelum sakit-mu, masa kaya-mu sebelum miskin-mu, masa lapang-mu sebelum datangnya sibuk, masa muda-mu sebelum tua, dan masa hidup-mu sebelum datangnya ajal-mu.*

*Ini adalah untuk memberi peringatan kepada kita supaya tidak membazir waktu, melengahkan atau menangguhkan sesuatu yang penting, serta tidak meletakkan keutamaan terhadap sesuatu yang menjurus kepada kebaikan dunia dan akhirat.*


*Alam Mimpi mengisahkan kesukaran Sang Penyu untuk hidup bebas dari ancaman. Sentuhan si pelukis telah menzahirkan visual yang bersifat imaginatif dalam suasana Sang Penyu yang terapung di angkasa bersama objek burung origami yang kedua-duanya adalah simbolik terhadap harapan dan perasaan yang inginkan kebebasan.*

*Pengkarya berharap agar Alam Mimpi menjadi kenyataan kepada Sang Penyu. Mimpi ini boleh jadi kenyataan jika manusia bangkit dengan kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi dalam memastikan eko-sistem dunia yang dapat menjamin kelestarian setiap kehidupan di muka bumi.*

**ALAM MIMPI** | Nur Camarina Binti Normi







**ORANG KANAN RAJA RIMBA** | Khairul Amri Bin Ibrahim

*Dalam kita mengejar arus kemodenan yang kian pesat, kita alpa akan ketamadunan flora & fauna yang tidak betah dengan hutan konkrit. Ketaksuban manusia ini telah membuatkan banyak haiwan hilang kebergantungan alam hingga membawa kepupusan. Sudah Si Badak putih. Itu namanya. Nama yang perlu kita ingati. Kerana kerakusan kitalah, badak jantan terakhir di dunia ini telah mati pada 21 mac 2018 ketika melewati usia 43 tahun. Sedih? Ya, sedih yang sementara manakala tangan masih rakus memasak hutan konkrit. Hari ini 'haiwan kanan raja rimba' yang pupus, tidak mustahil giliran raja rimba pula selepas ini. Inikah yang kita mahu? Anak-anak yang hanya mampu mengagumi raja rimba yang kaku sebagai objek pameran di muzium. Fikir-fikirkanlah wahai manusia terhormat.*



*Dalam karya ini bunga dan papatung adalah gabungan simbolik yang melambangkan wanita . Wanita diibaratkan bunga, cantik indahnya, namun begitu yang kekal menjadi pujaan manusia hanyalah wanita yang mulia akhlaknya kerana akhlak wanita adalah semekar dan seindahnya bunga. Kemudian digambarkan pula jiwa wanita itu sekuat papatung yang kecil dan halus sayapnya namun kental mengharungi cabaran dunia.*

**ENCHANTED** | Noor Liyana Binti Mohd Fauzi





**HIJAU** | Noor Mursheeda Binti Mahyuddin

*Kehijauan ladang teh yang ditampilkan dalam karya fotografi ini bukan sahaja menggamit ketenangan yang memberi satu terapi seni malah ia turut menuntut kesedaran manusia terhadap betapa pentingnya dalam melestarikan alam. Ia adalah sebuah dokumentasi visual oleh pengkarya terhadap keindahan alam yang dirakamkan ketika ini, dan berharap ia terus kekal di masa hadapan tanpa ancaman kemusnahaan oleh manusia yang tidak menghargai kurniaan dan kenikmatan yang dipinjamkan sementara dan perlu diwariskan sebaiknya kepada generasi yang akan datang.*




*Ramai yang telah kehilangan makna sebenar cinta. Cinta adalah sangat penting dalam hidup seseorang yang akan melengkapinya. Setiap orang pada suatu ketika dalam kehidupan mereka mengalami episod cinta, sama ada mereka mencintai atau dicintai. Tidak kira sama ada cinta terhadap insan, alam, haiwan mahupun kepada pencipta, cinta itu seharusnya mengimbangi kehidupan manusia yang memberikan ia sifat kasih sayang, kemanusiaan bahkan tawaduk terhadap agamanya.*

*Sebagai kiasan, imej wanita yang diikat penglihatan dan tubuhnya serta dilitupi pula dengan kedua belah tapak tangan menggambarkan penyeksaan cinta yang dialami dalam keadaan dia menggigit bunga mawar seolah memberi konotasi harapan yang telah hilang melunturkan semua perasaannya. Cinta itu memang buta, tetapi tak kenal maka tak cinta. Sebagai insan, agama harus dijadikan panduan dalam kita mencari erti sebenar cinta. Cinta manusia berakhir dengan perpisahan, cinta abadi hanyalah kepada-Nya.*

LOVE IS BLIND | Muhammad Azfar Naim Bin Nazly








**THE ANGER OF NATURE** | Nor Amira Syafiqah Binti Md Zahrin

*Karya ini mengisahkan tentang kemusnahan habitat flora dan fauna. Dalam ingin mencapai negara yang progresif, taraf kehidupan yang selesa dan ekonomi makmur, manusia alpa tidak menghiraukan masalah alam sekitar.*

*Kesan negatif daripada pembangunan tersebut meningkat secara drastik sehingga menyebabkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar yang semakin hari semakin membimbangkan.*

*Karya ini menampilkan haiwan – haiwan dari kehidupan laut dan darat, yang divisualisasikan dalam suasananya mengalami kepupusan kesan dari perbuatan manusia yang tamak.*

*Tangan yang seolah menatang pohon menunjukkan kesedaran manusia dan mereka dalam keadaan sibuk ingin membangunkan semula alam, namun ia sudah terlambat.*



*Karya*  
PILIHAN  
PAMERAN





**1. SOMEWHERE BETTER**  
NORADIBAH BINTI MD KASMIN



**2. DON'T RELAX YOUR EYES!**  
NUR AIN BINTI AHMAD



**3. NO MORE OLD THINGS**  
MUHAMMAD HAZIZI BIN AZMI



**4. SELAMAT DATANG KE DUNIA PENIPUAN**  
ABDUL RAHMAN BIN JABAR






**5. KITA**  
ABDUL RAHMAN BIN ZAIDI




**6. TAJAM TIDAK MENIKAM KAWAN**  
KAMARUL IMAN BIN HUSSAIN



**7. LANGKAH TUJUH**  
NURUL ASYIQIN FALIL BINTI JOHARI



**8. DREAM FANTASY**  
KUZA NATASYA BINTI HAMZAH @ T.K.NARAYANAN




**9. STRAIGHT FORWARD**  
NAZHAN FIKRI BIN ZULHUAIN



**10. FROM A PAIR OF EYES**  
ZALWANA BINTI JAMALUDIN



**11. BATMAN**  
AWANG MOHD. ZAKI BIN AWANG SUHAILI




**12. POP UP BROCHURE**  
SUKAINAH BINTI HASANUDDIN






13. NEW WAY OF LEARNING  
HAFIZUDDIN BIN LUKMAN



14. PREDIKSI  
MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN NAZRI



15. INFINITUM  
ALIA NADIRAH BINTI ZOHRI



16. SEEKING GLORIES  
SITI NORHAFIZAH BINTI ALIAS






17. PAVO CRISTATUS  
AISYAH BINTI KAMARZAMAN



18. JAPAN  
AMIRUL ARIFFI BIN HAMZAH



19. JAGUH MELAYU  
SITI NURULFAIDAH BINTI NAZERI



20. A GLIMPSE OF TONIGHT  
JENNIFER REANY JIPSON



**21. KEMBALI**  
MOHAMAD FIRDAUS BIN MD YUSOF



**22. AYAM**  
AHMAD MIRZA BIN HASIM



**23. FRIENDSHIP**  
NOOR SYAZWANI BINTI MASTAR




**24. CRISTIANO RONALDO**  
MUHAMAD HANAFI BIN HOSSIN






**25. THE RED FLUID**  
NURUL ZAFIRAH BINTI ZUHIR



**26. INSPIRATION**  
MUHAMMAD MEOR BIN MASRI



**27. RUSA MASUK KAMPUNG**  
MUHAMMAD SYAFIQ BIN KHLID




**28. BAYANG**  
MUHAMMAD DHIYAULFARHAN BIN DAWAM



**29. POKOK BIRU**  
NUR FATIN IZZATI BINTI ZOLBAHRIN



**30. VICTIM**  
RAJA MOHD FAIZ SYAZARIM BIN RAJA  
ABDUL KARIM




**31. SHE**  
MUHAMMAD AMMAR SAFUAN BIN MOHD SHAUFI



**32. FRESH NATURE**  
NUR ATIQAH BINTI MOHD MUNIR





**33. LUCK**  
NURUL IZZAWAHIDA BINTI MD SHUKOR @  
MOHAMED



**35. RAFFLESIA**  
NURUL NADIA BINTI ABDUL AZIZ



**34. KAU BERANGAN JELAH**  
MUHAMMAD MUZAMMIL BIN MUKHTAR



**36. GOOD MORNING**  
DHIA AFIQ AIMAN BIN HAMRAN



**37. HENDAK SERIBU DAYA**  
NURUL NATASHA BINTI AZIMI



**38. STUBBORN**  
MUHAMMAD FIRDAUS BIN MUHAMMAD HUSNI  
TAMRIN



**39. THE GREAT MALAYSIAN LAKE MONSTER**  
MOHAMAD HARIS HILMI BIN NORHASRAM




**40. KAMPUNGU**  
NURUL ASYIQIN BINTI MOHAMAD NOOR






**41. HARTA**  
HAFIZUDDIN BIN MAT YASHIM




**42. REALM OF REALITY**  
MUHAMMAD AIMMAN BIN MOHD HAFIZAL



**43. THE VIOLANCE**  
MAISARAH BINTI MOHD RAZALI



**44. SELAMATKAN HIJAU**  
AHMAD SUBHAN BIN KAMARUL BAHRIN



**45. PERMULAAN**  
LOQMAN NUR HAKIM BIN ZAINAL



**46. ANGAN-ANGAN RAJA KOTA**  
AHMAD AMIRUL BIN MUHAMMAD NOOR




**47. ONCE A SLAVERY**  
NUR IZZATI NAJWA BINTI AHMAD DAUD



**48. HOPE**  
MOHD KAMARUL NIZAM BIN ZAMANI





49. KONFLIK DIANTARA BERLAINAN  
HABITAT  
SHAFIQ AMIRUL BIN RAHIM




50. SAMA TAPI TAK SERUPA I & II  
NURATIQA H BINTI NOORHISHAM



51. RINDU KAMPUNG ATUK  
MUHAMMAD ZAKWAN FAHMI BIN MOHD NOOR HAMIZI



52. THE PASSION OF A RACER  
MUHAMAD FAIZ FATHULLAH BIN MD ZID @ MOHD ZAID



**53. MOSQUE**  
NUR HAZIRAH BINTI AB MASTAN



**54. PRODUK MIDF**  
NURHANIS BINTI NORDIN



**55. THE LAST ROSE**  
ASHABUL QAHI BIN KHAIRUL ANUAR




**56. HARAPAN**  
ASMADR BIN NANANG BASUNIK






**57. DILITUPI RUANG KEGEMBIRAAN SEMENTARA**  
SITI AISYAH BINTI ZAINAL ABIDIN



**58. WAITING FOR GODOT IV PATUH SHARIAH**  
ISHAK BIN RAMLI



**59. OVERFLOWED FEELINGS**  
HAZIMAH BINTI HOZE RIZAL



**60. MALAYSIA IS OUR HOME**  
NUR AIN BINTI AHMAD



**61. EMOTIONAL**  
KAMILIA SYAMIMI BINTI KARIM



**63. INNOCENT MIND OF CHILD**  
ANIS SYUHAI DAH BINTI ALI AZIZAN



**62. KHAZANAH**  
INTAN NUR SHAFINAZ BINTI IBRAHIM



**64. MENGEJAR MASA**  
MUHAMMAD YUSRI SHAH BIN IWAN SHAHROM SHAH





**65. AIMER**  
NURUL AQILAH BINTI AB RAZAK



**67. RAHSIA ALAM**  
ABDUL HAKIM BIN ZULKIFLI



**66. CYBORG**  
MUHAMMAD IRFAN MIRZA BIN ABU BAKAR



**68. KEKUATAN**  
NURUL SYAHIRAH BINTI ABDUL SAMAD



**69. VARIOUS FEELS**  
PUTERA EEZAQ EMIR SYAHMI BIN MOHD RAZANI



**70. PUDAR**  
NUR ZAHIDAH BINTI ABDUL LATIF



**71. SELEPAS KERINGAT**  
NOORFUJI ANGGARA BIN MASYUDI



**72. ISTIGHFAR**  
MUHAMMAD DARWISH DIANI BIN JUANIDI





**73. MERENTAS EMOSI**  
MOHAMAD DANIAL BIN ZULKEFLI



**74. MANUSIA KHURAFAT**  
NURUL AMIRA BINTI KAMSANO



**75. IKAN KOI DAN TERATAI BUNGA INDAH**  
SITI KHAIRUNNISA BINTI ZAMSARI



**76. MELAKA**  
FATIRAH BINTI ALI



**77. HARMONY IN LIFE**  
NUR MASLIYANA BINTI JEFFRI



**78. ERROR 404**  
MUHAMMAD FAREEZ BIN MOHD FAUZI




**79. WHAT IF**  
SARAH SYAHIRAH BINTI MOHD RADZI




**80. MUKA**  
NADZRIN HAZIQ BIN MOHD NAZIR






**81. INTEGRATIVE CAKE PACKAGING**  
MOHD NUR AZWAN BIN MOHD NAZERI



**82. TANDAK SASI**  
ROSLINDA BINTI GAZALI




**83. BERFIKIR**  
MUHAMAD KHAIRIL AMRI BIN MOHD KAMARUZAMAN



**84. A REAL MAN**  
MAHANI BINTI ABDUL WAHAB



85. THE REAL BEAUTY  
FARAH FAKHIRA BINTI JULBAHRI



86. THE FACE PAINT  
NOORARLIA YUHANIS BINTI AKHIRUDDIN



87. PACKAGING CONCEPT FOR SPORT INDUSTRY  
MOHAMAD HAKIMY IZZUAN BIN MOHAMAD NOOR



88. SYMBOL OF MOTHER'S LOVE FROM MY PERCEPTION  
'AISYAH KHAIRINA BINTI ABDUL KADIR



# Urusetia

*Penaung*

DATUK MOHD NAJIB HJ ABDULLAH  
Pegarah Urusan Kumpulan MIDF

*Pengerusi*

ABDUL MALEK ABDUL HAFIZ  
Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan MIDF

*Ketua Urusetia*

NURUL MUZAMEL RASIDI - UiTM  
IRMAWATI MAHAMAD TAHIR - MIDF

*Urusetia MIDF*

CHO KIM QUAN - MIDF  
MASTURA MD. MUKHLAS - MIDF  
NOR FARAH WAHIDAH NOR KHALID - MIDF  
TING CHIOU YUAN - MIDF  
MOHAMMAD SAUFI HJ HUSAIN - MIDF  
IRINA ISMAIL - MIDF  
AHMAD ADNAN - MIDF  
AIMI KHAIRUNNISA KAMALUDDIN SHA MIL - MIDF  
NUR AINA BAHARI - MIDF

*Urusetia UiTM*

AEDIE AZRUL AB AZIZ - UiTM  
NURUL AIDA MOHD SOHAIME - UiTM  
SITI SOLEHA SALAMUN - UiTM  
SASIKALA A/P MANOHARAN - UiTM  
NUR HUZAIFA HAZIM NOHARUDIN - UiTM  
MOHD ZAMRI ROSLI - UiTM  
HAZRUL MOHAMMAD RAHIM - UiTM  
HAFIZUL HJ. ISHAK - UiTM

# Penghargaan untuk Barisan Juri

*Ketua Juri*

*DR RUZAIKA OMAR BASAREE*

*Juri*

*ENCIK SUZLEE IBRAHIM @ SULONG*

*ENCIK FAIRUS ZAINAL*

*Juruaudit*

*ENCIK KHARIL AZRI ZAINAL ABIDIN*

# Penghargaan

*Terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Anugerah Seni MIDF 2018. Semoga kerjasama dan sokongan ini dapat memberi manfaat terhadap pembangunan dalam bidang pendidikan industri kreatif khususnya serta perkembangan dan kelestarian industri tersebut.*











# gesturz

---

curating experience

since 24.05.2007

*proudly*  
**MADE**  
*in* **UITM**

ISBN 978-967-15837-2-2



9 789671 583722